



SIARAN MEDIA

PAS DAKWA ADA PIHAK CUBA GAGALKAN PROGRAM PN DI SELANGOR

Merujuk kepada Artikel bertajuk '**PAS dakwa ada pihak cuba gagalkan program PN di Selangor**' yang disiarkan oleh Sinar Harian pada 10 Julai 2023.

Semakan telah dibuat dan didapati tiada sebarang permohonan yang diterima daripada mana-mana pihak untuk program tersebut.

Merujuk kepada Seksyen 46(1)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), untuk sebarang aktiviti yang melibatkan pemasangan struktur khemah sementara perlulah mendapat permit kebenaran dari Jabatan Bangunan MPS selain permit dari Jabatan Pelesenan MPS untuk penganjuran melibatkan perniagaan seperti karnival dan pesta. Selain itu permit kebenaran juga perlu diperolehi untuk pemasangan gegantung, bendera atau banner di kawasan pentadbiran MPS. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan akta seperti di atas.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat**

**b.p.
Yang Dipertua MPS**

12 Julai 2023